



# MSM perkasa perniagaan gula

**MSM** Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula terbesar negara yang mencatat rekod keuntungan sukuan tertinggi bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini, dijangka mampu mengekalkan momentum memberangsangkan itu untuk baki tahun 2015.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Dr Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata MSM sudah memenuhi semua komitmen pembelian gula mentah bagi keseluruhan tahun ini, termasuk pembelian sehingga Ogos tahun depan.

Katanya, syarikat juga sudah mengambil langkah berhemah melindungi nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sehingga Ogos tahun ini.

“Secara umumnya kami sudah membuat langkah dan dasar perlu. Ada dua faktor utama dalam perdagangan gula, iaitu harga gula mentah dan nilai dolar AS, yang mana sekiranya kedua-duanya dapat dikawal sepenuhnya akan meletakkan syarikat dalam kedudukan selesa,” katanya ketika mengumumkan prestasi kewangan pertama MSM di Kuala Lumpur, semalam.

## Yakin catat rekod kewangan terbaik

Sheikh Awab yakin MSM mampu mencatat satu lagi rekod kewangan terbaik pada suku kewangan kedua yang akan berakhir pada 30 Jun ini, mengambil kira jangkakan permintaan terhadap gula yang akan meningkat bulan depan sempena sambutan Ramadan.

MSM mencatat rekod keuntungan sukuan terbaik pada suku kewangan pertama berakhir 31 Mac 2015.

Ia mencatat peningkatan keuntungan bersih 26 peratus kepada RM71.03 juta pada su-

ku kewangan dikaji berbanding RM56.33 juta suku sama tahun sebelumnya.

Pencapaian itu diraih daripada pendapatan yang meningkat 2.05 peratus kepada RM508.49 juta daripada RM498.26 juta.

Peningkatan keuntungan dan pendapatan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) itu disumbang terutama oleh kos gula mentah yang lebih rendah dan pendapatan lebih tinggi bagi jualan industri, sungguhpun mencatat jualan lebih rendah bagi segmen domestik dan eksport.